

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 27 SEPTEMBER 2023

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 25

Gabung data kementerian, agensi mampu jimatkan kos

Gabung data kementerian, agensi mampu jimatkan kos

Penjanaan statistik secara bersepadu, guna satu sistem elak pembaziran

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Usaha perlu diambil untuk menggabung jalin data semua kementerian dan jabatan serta agensi kerajaan bagi menjana statistik yang bermanfaat dan pada masa sama dapat mengurangkan kos.

Timbalan Menteri Ekonomi, Datuk Hanifah Hajar Taib, berkata pada masa ini, semua kementerian dan jabatan kerajaan, sama ada di peringkat Persekutuan atau negeri, badan berkanun dan syarikat milik kerajaan menyimpan pelbagai data.

Katanya, masalah utama ialah data itu berlain sistem, terutama dari segi metodologi, standard, konsep dan definisi.

"Justeru, usaha perlu diambil untuk menggabung jalin data ini bagi menjana statistik yang dapat dimanfaatkan seterusnya mengurangkan kebergantungan kepada pengumpulan data secara banci atau survei yang memerlukan kos yang tinggi," katanya.

Beliau berkata demikian pada Persidangan Statistik Malaysia (MyStats) ke-10 2023 dengan tema 'Merentasi Sempadan KDNK: Ke Arah Kesejahteraan Sosial dan Kelestarian Alam Sekitar' anjuran Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), Bank Negara Malaysia (BNM) dan Institut Statistik Malaysia di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama, Ketua Perangkaan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd



Hanifah Hajar (dua dari kanan) bersama Uzmah Amiruddin (dua dari kiri) melancarkan Persidangan Statistik Malaysia ke-10 2023 di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Hazreen Mohamad / BH)

Uzir Mahidin, Penolong Gabenor BNM, Fraziali Ismail dan Presiden Institut Statistik Malaysia, Profesor Dr Habshah Midi.

Lebih 1,000 peserta terdiri daripada ahli statistik, ahli akademik dan penyelidik dari pelbagai agensi menghadiri persidangan itu, yang dianjurkan bersama antara DOSM, BNM dan Institut Statistik Malaysia.

Persidangan bertemakan 'Merentasi Sempadan KDNK: Ke Arah Kesejahteraan Sosial dan Kelestarian Alam Sekitar', sejajar dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) yang turut selari dengan konsep Malaysia MADANI merangkumi kesejahteraan ekonomi dan sosial, kelestarian alam sekitar dan kemampuan mutu hidup yang seimbang.

Kerajaan perlukan data granular
Hanifah Hajar berkata, kerajaan kini memerlukan data granular untuk membuat keputusan yang tepat bagi memastikan tiada

pembaziran, terutama dalam keadaan sumber kewangan yang semakin terhad.

Beliau berkata, data granular mengandungi maklumat yang khusus dan terperinci mengenai sesuatu subjek.

"Ini membolehkan kerajaan melaksanakan program secara bersasar dan maklum balas kepada krisis dengan berkesan, seterusnya meningkatkan kecekapan sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan.

"Statistik adalah sangat relevan dalam membantu kerajaan membuat keputusan berdasarkan data angka dan sains," jelasnya.

Hanifah Hajar berkata, dalam mengumpul dan menganalisa data yang banyak, DOSM berhadapan dengan pelbagai cabaran yang perlu ditangani bagi memastikan data yang disediakan adalah terperinci dan memenuhi kehendak pemegang taruh.

Beliau berkata, dalam meng-

hadapi era data raya, keselamatan data adalah perkara yang sangat penting untuk ditangani.

Katanya, cabaran dalam keselamatan data sangat berbeza dan ia terus berkembang seiring dengan perkembangan teknologi dan cara baharu untuk mengakses dan memanipulasi data.

Justeru, jelasnya, DOSM perlu mengadopsi strategi keselamatan data yang komprehensif.

"Kepesatan revolusi digital yang berasaskan internet dan teknologi satelit pula menuntut sumber teknologi baharu dengan penggunaan pelbagai peralatan, perisian dan kemahiran statistik terkini bagi menghasilkan pelbagai proses kerja yang lebih bersepadu.

"Di samping itu, penyusunan statistik yang komprehensif serta petunjuk yang berkaitan amat diperlukan oleh kerajaan bagi pengubahsuaian strategi dan inisiatif apabila semakan dasar dibuat," katanya.